

PENGAJIAN HADIS DI MASJID DAN SURAU: ANALISIS TERHADAP TAHAP KEFAHAMAN HADIS

(The Learning of Hadis at Mosques and Madrasahs: An Analysis on the Level of Understanding of Hadis)

MOHD AZRIN JOHARI*

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Masjid dan surau merupakan institusi yang menjadi tumpuan orang Islam untuk melaksanakan ibadat dan juga menjalankan aktiviti keagamaan. Kuliah pengajian agama dalam pelbagai bidang sering dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid dan surau untuk memberi kefahaman agama yang tepat kepada masyarakat sekitar khususnya. Kuliah pengajian bidang hadis seperti huraihan kitab syarah hadis, *talaqi* kitab hadis beserta *sanad*, majlis *samaa' al-Hadith* dan sebagainya dilihat sebagai usaha yang dilakukan untuk memberi kefahaman hadis kepada masyarakat. Menyedari hal demikian, tujuan artikel ini ditulis adalah untuk mengkaji tahap kefahaman hadis kalangan ahli jemaah yang mengikuti kuliah pengajian hadis di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Surau al-Mawaddah Shah Alam, Selangor. Metodologi kajian yang dijalankan adalah melibatkan kajian kuantitatif dan kualitatif. Sebanyak 400 responden terlibat dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan di masjid dan surau tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan sebanyak 87.45% responden berada pada tahap yang amat bertambah pemahaman mereka dalam ilmu hadis dan peningkatan amalan seharian. Manakala, sebanyak 10.35% responden pula berada pada tahap bertambah dan sebanyak 2% responden mengatakan mereka pada tahap kurang bertambah. Tidak terdapat responden yang mengatakan berada pada tahap tidak bertambah dan hanya 0.2% responden mengatakan mereka pada tahap tidak pasti. Skor min dapatkan kajian ialah 4.8511 dan sisihan piawai .28144 dengan intepretasi berada pada tahap yang amat tinggi.

Kata kunci: Pengajian hadis; kefahaman; keberkesan; metode penyampaian hadis; masjid dan surau

*Corresponding author: Mohd Azrin Johari, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, e-mail: abufageeh@gmail.com

Diserahkan: 28 Januari 2015

Diterima: 13 Mei 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0802-07>

ABSTRACT

Mosques and madrasahs are the institutions where Muslims congregate to perform their religious duties and carry out religious activities. Religious lectures and sermons are organized by the institutions' administrators to educate the Muslim community on the teachings of Islam. Lectures on the studies of hadis like the learning hadis manuscript, talaqi hadis manuscript with sanad and samaa' al-Hadith programmes are regarded as efforts to provide the community with better understanding on hadis. This article aims to study the effectiveness of hadis teachings by identifying the level of understanding among the congregation members that attend hadis lectures and classes in the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mosque and al-Mawaddah madrasah in Shah Alam, Selangor. The research methodology involved quantitative and qualitative methods. A set of research questionnaire was distributed to 400 respondents from the two institutions. The findings reveal that 87.45% respondents claim that their understanding on the teachings of hadis and daily rituals have improved greatly. Meanwhile, 10.35% of the respondents state that their understanding has improved while only 2% respondents declare that there is no change in their understanding. No respondents claim that there is no improvement, while a mere 0.2% are unsure. The result study is the mean score 4.8511 and .28144 standard deviation with interpretation are at a very high level.

Keywords: *Teachings of hadis; understanding; effectiveness; method of delivery; mosque and madrasah*

PENDAHULUAN

Umat Islam perlu memahami al-Quran dan hadis kerana ianya merupakan sumber perundangan Islam (al-Banna t.th). Pemahaman terhadap al-Quran dan hadis mestilah mengikut sebagaimana pemahaman yang dibawa oleh para sahabat, *tabi'en* dan generasi pengikut *manhaj al-Soleh* (Amin 1989). Tidak dinafikan bahawa hadis merupakan sumber perundangan kedua Islam selepas al-Quran. Hadis adalah perkataan, perbuatan, pengakuan serta sifat-sifat yang disandarkan kepada Rasulullah SAW (al-Qadhaah 2003). Kedudukan hadis sebagai sumber kedua perundangan Islam selepas al-Quran menjelaskan bahawa kewajipan untuk setiap orang Islam mendalami lapangan ilmu dalam bidang hadis. Tugas utama hadis Rasulullah SAW juga memberi penerangan yang jelas mengenai al-Quran (Nur al-Din 'Itir 1989). Menguasai ilmu *musthalah al-Hadith* iaitu ilmu yang membahaskan dasar atau kaedah untuk mengetahui keadaan *sanad* dan *matan* hadis sama ada ditolak atau pun diterima membolehkan seseorang itu dapat mengetahui kaedah penyaringan antara hadis *maqbul* dengan *mardud*. Antara fungsi utama hadis adalah mengukuhkan fakta

dalam al-Quran serta menghuraikan secara lebih terperinci perkara-perkara yang tidak disebut secara khusus oleh al-Quran.

Pengajian hadis seperti kuliah syarahan kitab hadis turut diajarkan dikebanyakkan masjid dan surau sekitar Selangor. Namun begitu, kitab-kitab yang membincangkan tentang ilmu *musthalah al-Hadith* teramat jarang diajarkan di masjid atau surau sekitar Selangor. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakkan masyarakat beranggapan ilmu *musthalah al-Hadith* kurang penting. Padahal, ilmu *musthalah al-Hadith* merupakan tunjang utama untuk memahami ilmu *riwayah* dan *dirayah* dalam pengajian hadis (Mohd. Muhiden 2010).

Pengajian bidang hadis di masjid dan surau di Selangor kelihatan sedikit ketinggalan jika dibandingkan dengan bidang pengajian yang lain seperti pengajian *fiqh*, akhlak dan sebagainya. Hal ini mungkin disebabkan kepentingan tentang ilmu hadis kurang diberi perhatian dan diketengahkan sebagai disiplin ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam.

LATAR BELAKANG DAN MASALAH KAJIAN

Usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memberi kefahaman hadis yang tepat kepada masyarakat menjadi tanggungjawab dan kewajipan bersama terutamanya bagi mereka yang merasakan mereka adalah seorang *da'ie*. Hadis merupakan tinggalan Nabi Muhammad SAW yang sukar untuk difahami keseluruhannya kerana terdapat hadis yang nampak bertentangan antaranya dan juga sukar memahami maknanya secara tekstual (Muhammad Zuhri 2003). Menyampaikan atau mensyarahkan hadis berorientasi kepada tiga sudut utama. Pertama, perkara yang berhubung dengan *sanad* iaitu menjelaskan tentang kedudukan setiap perawi yang terlibat dalam periyawatan hadis tersebut. Kedua, perkara yang berhubung dengan lafaz yang perlu merujuk kitab-kitab *al-Gharib wa al-Lughah*. Ketiga, perkara yang berhubung dengan makna hadis iaitu *fiqh al-Hadith* (Bazmul t.th).

Menurut T.M Hasbi al-Shiddieqy (1974), terdapat dua cara para sahabat menyampaikan hadis daripada Rasulullah SAW. Pertama, mereka menyampaikan hadis dengan lafaz yang asal daripada Rasulullah SAW iaitu mengikut lafaz yang mereka terima daripada baginda. Kedua, mereka menyampaikan maknanya bukan lafaznya kerana mereka tidak menghafal lafaz yang asal daripada baginda. Jemaah Tabligh menyampaikan hadis menggunakan metode bacaan melalui kitab *fadhail 'amal* dan sebagainya. Aktiviti yang dilakukan oleh Jemaah Tabligh juga dilihat sebagai usaha untuk memberi kefahaman hadis kepada masyarakat akan tetapi mungkin pemilihan kitab hadis yang mereka gunakan tidak sesuai.

Institusi masjid dan surau bukan sebagai tempat untuk beribadat sahaja malahan fungsinya begitu luas (Mohd Mokhtar 2003). Masjid dan surau juga mestilah dijadikan sebagai pusat pendidikan keagamaan dan keduniaan (Nasruddin dan Taha 2003). Pihak masjid dan surau mestilah berlumba-lumba untuk mewujudkan kuliah pengajian agama seperti kuliah pengajian al-Quran, hadis, *fiqh* dan sebagainya. Namun begitu, kita dapat juga masyarakat yang mengikuti pengajian agama di masjid dan surau tidak memahami dalil daripada al-Quran dan hadis yang disampaikan. Ketidakfahaman masyarakat terhadap pengajian agama yang diajar terkadangnya berkait dengan kegagalan pihak masjid atau surau menyediakan kuliah pengajian agama yang bermutu bukan hanya sekadar untuk mengisi masa sahaja (Mohamad Mohadis 1997). Buktinya, masih terdapat lagi perkara maksiat yang dilakukan seperti menghisap rokok selepas kuliah agama, tidak menutup aurat dengan sempurna, mengamalkan perkara *bida'ah* dan sebagainya. Hal ini menunjukkan tahap kefahaman masyarakat terhadap perintah agama tidak sempurna. Justeru, kajian ini telah dijalankan selama setahun lebih untuk melihat tahap kefahaman hadis masyarakat di Shah Alam, Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Proses mengumpul maklumat yang diperlukan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif yang digunakan adalah soal selidik kerana bersesuaian dengan kaedah tinjauan (Robson 1988). Sebanyak 400 borang soal selidik diedarkan secara rawak untuk dijawab oleh 200 responden yang menghadiri kuliah pengajian hadis di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan 200 responden di Surau al-Mawaddah. Kajian kualitatif melalui pemerhatian di lokasi kajian dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan gambaran supaya hasil analisis menjadi lebih tepat. Pemilihan masjid dan surau ini sebagai lokasi kajian adalah kerana didapati lokasi ini merupakan masjid dan surau yang paling aktif dengan pengajian hadis di sekitar Shah Alam, Selangor. Makalah ini menumpukan kepada analisis tahap kefahaman hadis responden yang mengikuti pengajian hadis di lokasi kajian dengan tumpuan kepada keberkesanannya dalam pertambahan pengetahuan dalam ilmu hadis dan pertambahan ilmu agama serta peningkatan amalan-amalan sehari-hari.

Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi empat bahagian utama. Bahagian A merangkumi soalan yang berkaitan dengan data demografi responden, manakala bahagian B pula berkaitan dengan maklumat mengenai pengajian hadis yang diikuti oleh responden. Bahagian C berkaitan dengan keberkesanannya pengajian hadis terhadap responden dalam pertambahan ilmu tentang hadis manakala bahagian D pula berkaitan dengan keberkesanannya pengajian hadis terhadap responden dalam

pertambahan peningkatan amalan-amalan sehari-hari. Lima skor Skala Likert telah ditetapkan dalam kajian ini seperti dalam Jadual 1. Skor ini dipecahkan kepada dua petunjuk iaitu jawapan yang positif dan juga jawapan yang negatif.

JADUAL 1 Skor Skala Likert

Skor	Skala	Petunjuk
1	Sangat tidak bertambah	Negatif
2	Tidak bertambah	
3	Kurang bertambah	Positif
4	Bertambah	
5	Amat bertambah	

Skor min dan nilai sisihan piawai turut dianalisis dalam kajian ini untuk menilai indeks kebolehpercayaan. Aras skor min dipecahkan kepada lima interpretasi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

JADUAL 2 Interpretasi Skor Min

Skor	Interpretasi
0.00 - 1.00	Sangat rendah
1.01 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana
3.01 - 4.00	Tinggi
4.01 - 5.00	Amat tinggi

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian mengenai tahap kefahaman hadis berkaitan aspek peningkatan kefahaman hadis dalam pertambahan pengetahuan ilmu hadis dan pertambahan ilmu agama serta peningkatan amalan-amalan sehari-hari dipaparkan dalam Jadual 3 di bawah.

JADUAL 3 Analisis Statistik Deskriptif

Peningkatan Kefahaman Hadis	Min	Sisihan Piawai
Pertambahan Pengetahuan Ilmu Hadis		
Pertambahan Pengetahuan Tentang Kitab-kitab Utama Hadis	4.4925	.56190
Pertambahan Pengetahuan Tentang Ulama-ulama Hadis	4.9400	.23778
Pertambahan Pengetahuan Tentang Matan (Teks) Hadis	4.9750	.15632
Pertambahan Pengetahuan Tentang Rawi (Periwayat) Hadis	4.9750	.15632
Pertambahan Tentang Asbab Wurud (Sebab Muncul) Hadis	4.1675	.85807
Pertambahan Pengetahuan Tentang Kedudukan Sesuatu Hadis (Sahih, Hassan, Dha'if dan Maudhu')	4.9775	.14849
Pertambahan Minat Untuk Menghafal Hadis-hadis yang Dipelajari	4.6600	.60025
Pertambahan Minat Untuk Berterusan Mempelajari Ilmu Hadis	4.9875	.11124
Pertambahan Kesedaran Terhadap Kepentingan Pengajian Ilmu Hadis	4.9900	.09962
Pertambahan Untuk Beramal Dengan hadis-hadis Sahih	4.9925	.08639
Pertambahan Ilmu Agama Dan Peningkatan Amalan-amalan Seharian		
Pertambahan Keimanan Kepada Allah Taala	4.9800	.14018
Pertambahan Ilmu Tentang Hari Kiamat	4.7950	.42240
Pertambahan Ilmu Tentang Akidah Yang Benar	4.9375	.24236
Pertambahan Dalam Melaksanakan Amalan-amalan Sunat	4.6625	.64001
Pertambahan Kesedaran Untuk Meninggalkan Perkara-perkara Maksiat	5.0000	.00000
Pertambahan Kesedaran Untuk Mendekati al-Quran	4.9825	.13129
Pertambahan Pengetahuan Tentang Kehidupan Rasulullah SAW	4.9525	.21297
Pertambahan Kesedaran Untuk Memperbaiki Akhlak	5.0000	.00000
Pertambahan Kesedaran Untuk Menunaikan Zakat	4.9400	.23778
Pertambahan Memupuk Sifat Sabar Dalam Diri	4.6150	.58535
Min Keseluruhan	4.8511	.28144

Berdasarkan jadual 3 di atas analisis pada item pertambahan pengetahuan responden tentang kitab-kitab hadis adalah skor min 4.4925 dan sisihan piawai .56190 yang menunjukkan intepretasi min pada tahap amat tinggi. Analisis peratusan terperinci Skala Likert iaitu sebanyak 53% (210 orang) responden mengatakan amat bertambah selepas mengikuti pengajian hadis. Manakala 44% (177 orang) responden

mengatakan bertambah dan sebanyak 3% (13 orang) responden mengatakan kurang bertambah. Tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah atau tidak pasti dalam pertambahan kitab-kitab hadis selepas mengikuti pengajian hadis. Seterusnya pada item pertambahan pengetahuan responden tentang ulama-ulama hadis selepas mengikuti pengajian hadis menunjukkan skor min 4.9400 dan sisihan piawai .23778 dengan interpretasi min pada tahap amat tinggi. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 94% (376 orang) responden mengatakan amat bertambah pengetahuan tentang ulama-ulama hadis dan sebanyak 6% (24 orang) responden mengatakan bertambah pengetahuan tentang ulama-ulama hadis selepas mengikuti pengajian hadis. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti.

Analisis pada item pertambahan pengetahuan responden tentang teks hadis selepas mengikuti pengajian hadis menunjukkan skor min 4.9750 dan sisihan piawai .15632 dengan interpretasi pada tahap amat tinggi. Hal ini membuktikan semua responden mengakui bahawa teks hadis yang disampaikan oleh pengajar dapat menambah pengetahuan dalam bidang ilmu hadis. Secara peratusannya dalam Skala Likert, sebanyak 97% (390 orang) responden mengatakan amat bertambah pengetahuannya tentang teks hadis selepas mengikuti pengajian hadis dan 3% (10 orang) responden pula mengatakan bertambah. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti. Jadual di atas juga menunjukkan item pertambahan pengetahuan responden tentang periyat hadis dengan skor min 4.9750 dan sisihan piawai .15632 pada interpretasi tahap amat tinggi. Ini membuktikan pengajar di lokasi kajian bukan sekadar mengajar teks hadis tetapi turut menghuraikan tentang periyat hadis. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 97% (390 orang) responden mengatakan pengetahuannya amat bertambah dalam mengenali periyat hadis dan 3% (10 orang) responden pula mengatakan bertambah pengetahuannya dalam mengenali periyat hadis selepas mengikuti pengajian hadis. Tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti pengetahuan mereka dalam perkara di atas.

Manakala item pertambahan pengetahuan responden tentang sebab muncul hadis dengan skor min 4.1675 dan sisihan piawai .85807 menunjukkan paling rendah pertambahannya berbanding item yang lain tetapi interpretasinya masih pada tahap amat tinggi. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 39% (156 orang) responden mengatakan amat bertambah pengetahuannya tentang sebab muncul hadis selepas mengikuti pengajian hadis dan 42% (171 orang) responden pula mengatakan bertambah. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 15% (59 orang) responden pula mengatakan kurang bertambah dan 4% (14 orang) responden mengatakan tidak pasti. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah pengetahuannya dalam sebab muncul hadis selepas mengikuti pengajian hadis.

Analisis item pertambahan responden tentang kedudukan taraf sesuatu hadis setelah mengikuti pengajian hadis di masjid dan surau tersebut menunjukkan skor min 4.9775 dan sisihan piawai .14849 dengan interpretasi pada tahap amat tinggi. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 98% (391 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 2% (9 orang) mengatakan bertambah pengetahuan mereka tentang status sesuatu hadis selepas mengikuti pengajian hadis. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan pengetahuan mereka tentang status sesuatu hadis kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti. Melihat kepada semua responden yang mengatakan pengetahuan tentang kedudukan hadis mereka bertambah, ini membuktikan pengajian hadis di lokasi kajian telah berjaya memberikan kefahaman tentang hadis kepada masyarakat sekitar. Kita menyedari tentang pentingnya untuk setiap orang Islam mengetahui kedudukan hadis sebelum mengamalkan sesuatu hadis atau pun untuk menyampaikannya kepada orang yang lain.

Analisis item pertambahan minat responden untuk terus menghafal hadis-hadis yang dipelajari menunjukkan skor min 4.6600 dan sisihan piawai .09962 dengan interpretasi amat tinggi. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 72% (291 orang) responden mengatakan amat bertambah dan 21% (82 orang) responden mengatakan bertambah minat untuk terus menghafal hadis-hadis yang dipelajari. Manakala terdapat sebanyak 7% (27 orang) responden mengatakan kurang bertambah minat. Tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah dan tidak pasti minatnya. Berdasarkan jadual di atas juga menunjukkan skor min 4.9875 dan sisihan piawai .11124 dengan interpretasi pada tahap amat tinggi dalam item pertambahan minat untuk berterusan mempelajari ilmu hadis. Menurut salah seorang ahli jemaah yang kerap menghadiri kuliah pengajian hadis di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Mustapha Ramlie 2012), setelah beliau mengikuti pengajian hadis minatnya untuk mendalami ilmu hadis makin bertambah. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 99% (395 orang) responden amat bertambah dan 1% (5 orang) responden. Manakala tidak terdapat responden yang kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti minatnya. Menurut Firdaus Subhi (2012), kuliah hadis semakin diminati terutamanya kalangan muda.

Analisis item pertambahan kesedaran responden terhadap kepentingan pengajian ilmu hadis mendapati skor min 4.9900 dan sisihan piawai .09962 dengan interpretasi amat tinggi. Analisis pada Skala Likert mendapati sebanyak 99% (396 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 1% (4 orang) responden mengatakan bertambah kesedarannya terdapat kepentingan ilmu hadis. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti. Kebanyakan masyarakat di sekitar Shah Alam terdiri daripada mereka yang berpendidikan tinggi menyedari kepentingan terhadap ilmu agama dan dunia.

Seterusnya skor min 4.9925 dan sisihan piawai .08639 dicatatkan dengan interpretasi pada tahap amat tinggi diperolehi dalam analisis pada item pertambahan responden untuk beramal dengan hadis-hadis sahih. Dapatan pada Skala Likert sebanyak 99% (397 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 1% (3 orang) bertambah keinginan untuk beramal dengan hadis-hadis sahih yang telah dipelajarinya. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti.

Analisis dalam aspek pertambahan ilmu agama dan peningkatan amalan-amalan seharian didapati pada item pertambahan keimanan kepada Allah Taala menunjukkan skor min 4.9800 dan sisihan piawai .14018 dengan interpretasi pada tahap amat tinggi. Pecahan peratusan Skala Likert sebanyak 98% (392 orang) responden mengatakan amat bertambah pengetahuannya dan sebanyak 2% (8 orang) responden mengatakan bertambah. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti. Analisis pada item pertambahan ilmu tentang hari kiamat menunjukkan skor min 4.7950 dan sisihan piawai .42240 dengan interpretasi amat tinggi. Dapatan pada Skala Likert sebanyak 80% (321 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 19% (76 orang) responden mengatakan bertambah ilmu tentang hari kiamat. Manakala sebanyak 1% (3 orang) mengatakan kurang bertambah ilmu tentang hari kiamat. Tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah dan tidak pasti.

Berdasarkan analisis mendapati skor min 4.9375 dan sisihan piawai .24236 dengan interpretasi pada tahap amat tinggi dalam item pertambahan ilmu tentang akidah yang benar kalangan responden. Dapatan pada Skala Likert sebanyak 94% (375 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 6% (25 orang) bertambah ilmu tentang akidah yang benar. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti tentang pertambahan ilmu dalam akidah yang benar. Menurut Rahimah Che Arif (2012), panduan daripada kitab-kitab hadis membolehkan seorang muslim memahami akidah Islam yang benar.

Hasil analisis pada item pertambahan dalam melaksanakan amalan-amalan yang sunat didapati skor min 4.6625 dan sisihan piawai .64001 dengan interpretasi amat tinggi. Dapatan pada Skala Likert sebanyak 76% (302 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 15% (61 orang) responden mengatakan bertambah dalam melaksanakan amalan-amalan sunat selepas mengikuti pengajian hadis. Manakala 9% (37 orang) responden pula mengatakan kurang bertambah dalam melaksanakan amalan-amalan sunat selepas megikuti pengajian hadis. Namun, tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah dan tidak pasti. Menurut Siti Amni Afifah Junaidi (2012), pertambahannya dalam amalan sunat meningkat setelah

mengetahui tentang amalan sunat melalui kitab hadis yang diajarkan di Surau al-Mawaddah.

Analisis pada item pertambahan kesedaran untuk meninggalkan perkara-perkara maksiat dan item pertambahan kesedaran untuk memperbaiki akhlak mendapati skor min tertinggi 5.0000 dan sisihan piawai .0000 dengan interpretasi pada tahap tertinggi. Semua responden mengatakan amat bertambah. Hal ini menunjukkan bahawa isi pengajaran hadis yang disampaikan di lokasi kajian mampu mengajak masyarakat untuk meninggalkan kemaksiatan dan memperbaiki akhlak. Program pengajian agama yang berkesan dapat membantu masyarakat setempat daripada terlibat dengan gejala negatif (Yaakub Abdul Rahim 1996). Analisis pada item pertambahan kesedaran responden untuk mendekati al-Quran menunjukkan skor min 4.9825 dan sisihan piawai .13129 dengan interpretasi pada tahap amat tinggi. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 98% (393 orang) mengatakan amat bertambah dan sebanyak 2% (7 orang) responden mengatakan bertambah kesedaran mereka mendekati al-Quran setelah mengikuti pengajian hadis. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti tentang perkara di atas. Menurut Karim Zakaria (2012), mempelajari hadis menjadikan diri muslim lebih dekat untuk mendampingi al-Quran.

Seterusnya analisis mendapati item pertambahan pengetahuan responden berkaitan kehidupan Rasulullah SAW menunjukkan skor min 4.9525 dan sisihan piawai .21297 dengan interpretasi pada tahap amat tinggi. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 95% (381 orang) responden mengatakan amat bertambah dan 5% (19 orang) responden pula mengatakan bertambah. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti dalam perkara di atas. Manakala pada item pertambahan kesedaran menunaikan zakat menunjukkan skor min 4.9400 dan sisihan piawai .23778 dengan interpretasi pada tahap amat tinggi. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 94% (376 orang) responden mengatakan amat bertambah dan 6% (24 orang) responden mengatakan bertambah. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan bertambah, kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti tentang perkara di atas. Analisis juga mendapati skor min bagi item pertambahan memupuk sifat sabar dalam diri ialah 4.6150 dan sisihan piawai .58535 dengan interpretasi pada tahap amat tinggi. Dapatkan pada Skala Likert sebanyak 67% (267 orang) responden mengatakan amat bertambah dan 28% (112 orang) responden pula mengatakan bertambah sifat sabar dalam diri mereka setelah mengikuti pengajian hadis. Sebanyak 5% (21 orang) responden mengatakan kurang bertambah sifat sabar dalam diri mereka. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah dan tidak pasti.

Berdasarkan dapatan kajian ini jelas menunjukkan peratusan pada skala likert yang amat tinggi iaitu 87.45% untuk responden yang memilih amat bertambah tahap kefahaman hadis mereka, manakala sebanyak 10.35% responden mengatakan bertambah tahap kefahaman hadis mereka setelah mengikuti pengajian hadis di lokasi kajian. Hanya 2% responden mengatakan kurang bertambah tahap kefahaman hadis dan 0.2% responden mengatakan tidak pasti tahap kefahaman hadis mereka bertambah atau sebaliknya. Tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah tahap kefahaman hadis setelah mengikuti pengajian hadis di masjid dan surau tersebut. Skor min keseluruhan daripada dua puluh item yang diselidiki adalah skor minnya 4.8511 dan sisihan piawainya .28144 dengan intepretasi pada tahap amat tinggi.

Berpandukan kepada analisis daripada maklumat yang didapati di atas, jelas bahawa penyampaian hadis yang diajarkan oleh pengajar di lokasi kajian memberikan tahap petambahan kefahaman begitu tinggi kepada pelajar yang mengikutinya. Dibuktikan oleh Zahariman Mokhtar (2012), tahap pengetahuannya dalam ilmu hadis meningkat dan beliau berhasrat untuk mempelajari bidang hadis secara lebih formal di Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya. Hal ini juga memberikan gambaran bahawa metode penyampaian hadis yang digunakan oleh pengajar adalah menarik dan berkesan. Pendekatan penyampaian hadis oleh pengajar seperti yang diamalkan oleh Rasulullah SAW iaitu lemah lembut, menggunakan bahasa yang sesuai, menggunakan andaian, mengulangi penyampaian, ringkas dan padat serta menegur secara keras membolehkan hadis itu mudah untuk difahami oleh pelajar. Selain itu juga, dapat kita katakan bahawa tahap keilmuan hadis kalangan pengajar hadis di lokasi kajian adalah mencukupi kerana mampu menyampaikan hadis dengan jelas dan tepat. Berdasarkan analisis keseluruhan kajian, sebanyak 97.8% responden mengatakan bertambah tahap kefahaman mereka tentang hadis setelah mengikuti pengajian hadis di masjid dan surau tersebut. Hal ini tidak dapat dinafikan lagi kerana peratusan yang begitu besar telah membuktikan pengajian hadis di masjid dan surau adalah signifikan dan dapat membantu masyarakat dalam memahami hadis. Kefahaman yang baik dalam hadis akan membantu masyarakat menghindari perkara *bida'ah* dalam agama dan menyuburkan amalan sunnah dalam kehidupan.

PENUTUP

Hasil daripada dapatan kajian ini telah memberikan beberapa maklumat penting tentang pengajian hadis di masjid dan surau. Pengajian hadis di masjid dan surau perlu diteruskan kerana ianya amat membantu dalam menambahkan kefahaman masyarakat setempat dalam ilmu hadis. Pihak masjid dan surau juga perlu mempelbagaikan lagi bentuk program pengajian hadis bukan hanya tertumpu kepada Kuliah Maghrib, Kuliah Subuh dan Kuliah Dhuha. Program lain seperti

forum hadis, diskusi bersama pakar hadis atau klinik hadis dilihat antara usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak masjid dan surau. Bantuan kewangan serta bekalan tenaga pakar daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga boleh merancakkan lagi pengajian hadis di masjid dan surau. Diakui juga bahawa aktivit keagamaan di masjid dan surau belum mantap sepenuhnya dalam memberi kefahaman agama kepada masyarakat kerana masih terdapat kelemahan dalam aspek tertentu (Roslan 2003). Masyarakat juga disarankan merebut peluang pengajian hadis di masjid dan surau berdekatan untuk menambahkan lagi tahap kefahaman hadis.

Kesedaran tentang kepentingan hadis telah mula berkembang di negara kita terutamanya di Selangor kerana di sini terhimpunnya ramai golongan berilmu dan menuntut ilmu di Insitut Pengajian Tinggi Awam atau swasta. Masyarakat di Selangor juga telah mula berjinak dengan pengajian hadis di masjid atau surau. Menurut kajian yang dilakukan oleh Shukri Ahmad et al. (2013), peningkatan yang amat positif terutamanya kalangan remaja menghadiri kuliah pengajian agama di masjid. Kesempatan ini perlu diambil oleh pihak pengurusan masjid dan surau untuk terus mengadakan pelbagai program ilmu hadis kepada masyarakat. Dapatkan kajian ini juga bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Nurzatil Ismah Azizan et al. (2014) bahawa program keagamaan di masjid dapat memberi kefahaman agama kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Amin, Jum'ah. 1989. *al-Da'wah Qawa'id wa Ushul*. Iskandariah: Dar al-Da'wah.
- al-Banna, Hassan. t.th. *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Shahid Hassan al-Banna*. Kaherah: Dar Shihab.
- Bazmul, Muhammad Bin Umar. t.th. *'Ilm Syarh al-Hadith wa Rawafid al-Bahth fihi*. t.p.: t.pt.
- Firdaus Subhi. 2012. *Program Hadis di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor*. Shah Alam. Temubual pada 2 Jun 2012.
- Karim Zakaria. (2012). *Persepsi Terhadap Kuliah Hadis Di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor*. Shah Alam. Temubual pada 1 Julai 2012.
- Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. 1988. *Sejarah Pembinaan MSSAAS*. http://www.mssaas.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=68&Itemid=68 [20 April 2012].
- Mohamad Mohadis Bin Hj. Yasin. 1997. *Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Masjid: Kajian Kes di Negeri Melaka*. Tesis Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

- Mohd Mokhtar Shafii. 2003. *Masjid Sebagai Pusat Pendidikan dan Penjanaan Ummat Cemerlang*. *Jurnal Pendidikan Islam*. 10(3): 41-56.
- Mohd. Muhiben Abd. Rahman. 2010. *'Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Zuhri. 2003. *Telaah Matan Hadis Sebuah Tawaran Metodologis*. Yogyakarta: LESFI.
- Mustapha Ramlie. (2012). *Persepsi Terhadap Kuliah Hadis Di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor*. Shah Alam. Temu bual, 13 Jun.
- Nasruddin Yunos & Mohamad Taha. 2003. *Tamadun Islam dan Kenegaraan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurzatil Ismah Azizan et al. 2014. *Komunikasi Masjid: Kajian Terhadap Hebahan Aktiviti Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi Kepada Masyarakat Setempat*. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014). Kuala Lumpur. December 2014.
- Nur al-Din 'Itir. 1989. *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*. Damsyik: Dar al-Fikr
- al-Qadhaah, Syarif Mahmud. 2003. *al-Manhaj al-Hadith fi 'Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur: al-Bayan Corporation Sdn. Bhd.
- Rahimah Che Arif. 2012. Persepsi Terhadap Kuliah Hadis Di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor. Shah Alam. Temu bual, 15 Jun.
- Robson, Collin. 1998. *Real World Research*. UK: Blackwell Publisher Ltd.
- Roslan Mohamed. 2003. *Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam Norrodzoh Siren & Yumini Md. Yusof*. Membangun Institusi Masjid. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Shukri Ahmad et al. 2014. *Penghayatan Solat dan Pengimaran Masjid: Kajian Dal;am Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014. Kota Kinabalu. 10 June 2014
- Siti Amni Afifah Junaidi. 2012. Persepsi Terhadap Kuliah Hadis di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor. Shah Alam. Temu bual, 15 Jun.
- T.M. Hasbi al-Shiddieqy. 1974. *Sejarah dan Pengantar Ilmu Hadis*. Jakarta: Kramat Kwitang.
- Yaakub Abdul Rahim. 1996. *Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur Sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa*. Tesis Sarjana Sains Universiti Putera Malaysia.

Zahariman Mokhtar. 2012. Persepsi Terhadap Kuliah Hadis di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Selangor. Shah Alam. Temu bual, 28 Julai.